

Memandangkan proses pengimbuhan sama, maka proses pengimbuhan awalan peN- dapat didasarkan pada proses pengimbuhan awalan meN- termasuk pengecualiannya. Dapat disimpulkan bahawa proses pengimbuhan:

meN- = peN-



## Latihan Pengukuhan

A. Pilih jawaban yang paling sesuai.

1. Beberapa orang \_\_\_\_\_ binatang ditahan pihak berkuasa kerana tiada permit berburu.

A penburu                                      B pemburu
2. Setiap \_\_\_\_\_ perlu bersabar semasa menjalankan aktiviti penternakan mereka.

A penternak                                  B penernak
3. Beliau telah terpilih sebagai \_\_\_\_\_ terbaik pada peringkat daerah ini.

A pentakbir                                B pentadbir
4. Para \_\_\_\_\_ darah diseru agar melakukan pendermaan darah pada setiap tahun.

A penerima                                 B penderma
5. Semua agama menyeru \_\_\_\_\_ melaksanakan ajaran agama yang dianuti.

A pengganutnya                         B penganutnya
6. Alat yang dikenali sebagai \_\_\_\_\_ digunakan untuk mengorek lubang itu.

A pengali                                      B penggali
7. Sebagai \_\_\_\_\_ sate, kami sering ke Kajang untuk menikmati keenakannya.

A penggemar                               B penggemar
8. Pihak polis telah menahan beberapa orang yang disyaki \_\_\_\_\_ berani mati.

A pengebom                                B penggebom
9. Ayah menggunakan \_\_\_\_\_ yang sangat tajam untuk menebuk lubang pada kayu itu.

A pemahat                                 B pempahat
10. Sebagai \_\_\_\_\_ profesional, bayaran yang dikenakan agaknya tinggi.

A pentari                                      B penari